

20 MAR 2001

DR MAHATHIR RAI PRESIDEN BOSNIA

PUTRAJAYA, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meraikan Presiden Bosnia dan Herzegovina Dr Halid Genjac pada satu jamuan di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di sini malam ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Dr Genjac tiba di sini semalam untuk lawatan peribadi selama empat hari.

Petang tadi beliau menemui Dr Mahathir di pejabat perdana menteri dan mereka membincangkan cara-cara untuk meningkatkan hubungan antara Kuala Lumpur dan Sarajevo.

Beliau dijadual melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) di Cyberjaya, Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara dan Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia.

Esok, beliau dijadual melawat Melaka Bandaraya Bersejarah.

-- BERNAMA

NM AT MAM AKD